

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB. TUAN NG WEI AIK**
KAWASAN : **TANJONG**

SOALAN:

YB. TUAN NG WEI AIK minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah usaha-usaha akan dilaksanakan untuk menaik taraf kawasan hitam kemalangan di persimpangan keluar/masuk Mar Vista Resort dengan Jalan Batu Ferringhi, Pulau Pinang memandangkan terdapat lagi kes-kes kemalangan yang berlaku kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya mengambil maklum mengenai isu keselamatan pengguna di persimpangan keluar masuk dari Mar Vista Resort ke Jalan Batu Ferringhi (FT06), Pulau Pinang. Sehubungan itu persimpangan tersebut telah disenaraikan di bawah program pembaikan kawasan kerap kemalangan ('blackspot') oleh kementerian ini pada tahun hadapan (2017). Namun demikian untuk jangka pendek, pihak JKR Daerah Timur Laut telah dan akan melaksanakan beberapa inisiatif menambahbaik aspek keselamatan di persimpangan berkenaan. Ini termasuklah pemasangan 'solar blinkers' (telah disiapkan) dan cadangan pemasangan 'flexible post' dan 'lane block' yang dirancang akan dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat.